

Artikel

Kecenderungan Budaya Politik Melayu Kontemporari Selepas Pru-14
(*Trends In Contemporary Malay Political Culture After The 14th General Election*)

Muhammad Aqil Sharullizam, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff* & Muammar Ghaddafi Hanafiah

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: yuszaidy@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Budaya politik merujuk kepada perlakuan masyarakat dalam aspek politik. Dalam konteks masyarakat Melayu kontemporari, budaya politik telah melalui perubahan yang drastik. Perubahan ini memberi kesan kepada negara apabila tumbanganya parti UMNO dalam Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU-14). Sejak kejatuhan tersebut, Malaysia telah bertukar kerajaan sebanyak tiga kali dalam satu penggal, sekali gus memberi implikasi negatif terhadap ekonomi dan pentadbiran negara. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kecenderungan pembentukan budaya politik Melayu kontemporari yang telah mengubah lensa politik tanah air bermula dari tahun 2018 hingga kini. Kajian ini dilaksanakan melalui sorotan karya bersistematik dengan memilih literatur yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2025. Fokus perbincangan adalah terhadap budaya politik Melayu selepas PRU-14. Metodologi kajian menggunakan kaedah *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analysis* (PRISMA) versi kemas kini pada tahun 2020. Empat proses PRISMA yang terdiri daripada pengenalanpastian, penapisan, kelayakan dan penerimaan telah digunakan bagi menganalisis literatur yang terpilih. Hasil kajian menunjukkan kecenderungan utama dalam pembentukan budaya politik Melayu kontemporari dapat dilihat pada aspek tingkah laku dan persepsi, identiti politik, kepimpinan serta politik Islam. Kajian ini menemui sebanyak 19 artikel yang membincangkan kecenderungan budaya politik Melayu. Daripada jumlah tersebut, tujuh artikel menumpukan pada aspek tingkah laku dan persepsi, enam artikel kepada identiti politik, manakala tiga artikel masing-masing pada aspek kepimpinan dan politik Islam. Sumbangan kajian ini dapat memperluas perbandingan antara budaya politik lama dan kontemporari serta membantu dalam menentukan hala tuju politik negara dan masyarakat Melayu pada masa hadapan.

Kata kunci: Budaya; politik; kecenderungan; Melayu; kontemporari

Abstract: Political culture refers to the behaviour of society in political aspects. In the context of contemporary Malay society, political culture has undergone drastic changes. This change impacted the country when the UMNO party fell in the 14th General Election (GE14). Since that fall, Malaysia has changed governments three times in one term, which has had a negative impact on the country's economy and administration. This study aims to identify the trends in the formation of contemporary Malay political culture that have changed the political landscape of the country from 2018 to the present. This study was conducted through a systematic literature review, selecting literature published between 2018 and 2025. The focus of the discussion is on Malay political culture after the 14th General Election. The study methodology uses the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) method updated in 2020. The four PRISMA processes of identification, screening, eligibility, and inclusion were used to analyse the

selected literature. The study results show that the main trends in the formation of contemporary Malay political culture can be seen in the aspects of behaviour and perception, political identity, leadership, and Islamic politics. This study found a total of 19 articles discussing Malay political culture. Of that number, seven articles focused on behavioural and perceptual aspects, six articles on political identity, while three articles each addressed leadership and Islamic politics. The contribution of this study can broaden comparisons between old and contemporary political cultures and help determine the future political direction of the country and the Malay community.

Keywords: Culture; politics; trends; Malay; contemporary

Pengenalan

Arena politik tanah air telah dihiasi dengan pelbagai rentetan sejarah yang panjang. Politik ini berkembang serta membentuk sebuah budaya politik yang akhirnya menjadi pegangan sesebuah masyarakat. Ahmad Nidzamuddin (2002) mentakrifkan budaya politik sebagai perlakuan, tingkah laku, penglibatan, persepsi, kepercayaan, jangkaan dan harapan anggota masyarakat dalam lingkungan politik masyarakatnya. Budaya politik juga merujuk kepada perlakuan sesebuah masyarakat dalam aspek politik. Tingkah laku dalam budaya politik hanya berlaku pada masa tertentu sahaja dan tidak sesuai untuk diangkat sebagai identiti masyarakat. Mohd Mahadee Ismail (2018), berpendapat bahawa budaya politik tidak sama dengan budaya umum yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat meskipun mempunyai beberapa perkaitan dengannya. Ini kerana budaya politik hanya menjadi sebahagian daripada keseluruhan budaya serta berkait rapat dengan sikap, keyakinan dan sentimen politik yang dipegang oleh masyarakat tersebut.

Budaya politik Melayu tradisional tidak begitu menonjol dan hanya menuruti segala arahan pemerintah. Perubahan budaya politik Melayu berlaku sewaktu zaman penjajahan yang mana beralih daripada budaya *parochial* ke arah budaya politik *subject*. Pada ketika ini masyarakat hanya mengambil tahu hal perihal politik, namun hanya bersuara pada isu – isu tertentu sahaja. Masyarakat mula bertindak dengan lebih aktif selepas Pilihan Raya Umum 2004 sehingga Mac 2009 yang seterusnya mengubah budaya politik *subject* kepada *participant* (Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus, 2015). Budaya politik *participant* adalah penglibatan aktif masyarakat terhadap politik. Mereka bukan sahaja mengambil tahu dan terlibat dalam politik, malah menyuarakan isu yang berlaku kepada pemerintah.

Perkara ini memberi kesan kepada negara apabila tumbangnyanya parti *United Malays Nation Organisation* (UMNO) dalam Pilihan Raya Umum ke 14. Impak kejatuhan ini menyebabkan berlakunya pertukaran kerajaan sebanyak tiga kali dalam satu penggal. Senario tersebut membawa kesan buruk kepada ekonomi dan pentadbiran negara. Sewaktu pertukaran Perdana Menteri yang di buat secara tidak tersangka, kadar mata wang merosot sebanyak 0.239% dan terus menurun sehingga --0.457% (Noor Aina Iman Amlil & Wai-Yan Wong, 2021). Senario PRU ke 15 pula membawa kesan yang lebih buruk apabila tiada satu pun parti yang berjaya mendapat majoriti. Situasi ini jelas berlaku apabila Pakatan Harapan memperoleh sebanyak 82 kerusi, Perikatan Nasional dengan 74 kerusi dan Barisan Nasional hanya memperoleh 30 kerusi daripada 178 kerusi yang dipertandingkan (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2022).

Suzalina Halid dalam Berita Harian (2022), impak kepada perpecahan undi juga menyebabkan kesukaran memahami trend pengundian serta berlakunya peningkatan peratus pengundi atas pagar. Selain itu, peralihan budaya politik Melayu ini juga menandakan berlakunya perubahan kecenderungan pilihan politik masyarakat dalam memilih parti pemerintah. Dari aspek akademik, kajian ini akan memperluaskan lagi kajian lanjutan berkenaan budaya politik Melayu. Kajian lepas mengenai budaya politik Melayu telah dilaksanakan serta berfokus kepada kepimpinan parti, budaya politik menerusi pilihan raya, hegemoni dalam budaya politik Melayu dan budaya politik Melayu berdasarkan isu politik nasional (Zawiyah Mohd Zain, 2021). Namun begitu, timbul persoalan tentang apakah kecenderungan dalam aspek budaya politik Melayu kontemporari yang berubah dengan pesat kebelakangan ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan dalam pembentukan budaya politik Melayu kontemporari bermula daripada tahun 2018

sehingga kini. Kecenderungan budaya politik Melayu sangat penting untuk difahami bagi memastikan setiap perubahan yang berlaku tidak menjejaskan keharmonian negara.

Sorotan Literatur

Penjelasan mengenai budaya politik telah dibahasakan oleh sarjana Barat. Almond dan Verba (1989) menjelaskan bahawa budaya politik terbahagi tiga iaitu *parochial*, *subject* dan *participant*. Politik *parochial* dikatakan merujuk kepada masyarakat yang tidak mempunyai maklumat serta tidak mengambil tahu tentang urusan politik. Golongan ini hanya menumpukan kepada urusan keluarga dan peribadi sahaja. Perkara kedua adalah politik *subject* yang mana digambarkan masyarakat hanya menerima maklumat daripada sebelah pihak tanpa menimbulkan sebarang persoalan. Budaya politik *participant* pula merujuk kepada masyarakat yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan terlibat dalam dasar pemerintahan negara. Budaya politik Melayu juga sering kali dikaitkan dengan UMNO yang mana mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat Melayu.

Nguyen Giang (2024) mendapati konsep budaya politik sangat kompleks serta mempunyai pandangan yang berbeza daripada pelbagai perspektif. Sarjana ini berpendapat bahawa kajian budaya politik telah muncul sejak Perang Dunia II dan para sarjana tidak mempunyai pandangan yang konsisten terhadap pendefinisian. Artikel ini menggunakan kaedah analisis data kualitatif sekunder daripada kajian-kajian lepas untuk mengkaji definisi, fungsi, dan kaitan budaya politik dengan budaya organisasi serta budaya pengurusan. Kajian ini menemui persamaan dalam kajian lepas dalam membincangkan budaya politik iaitu unsur dan peringkat dalam budaya politik.

Noor Sulastry (2017) dalam kajiannya menilai semula konsep hegemoni dalam budaya politik Melayu. Menerusi kajian ini, “waadat” atau kontrak sosial dalam Sulalatus Salatin merupakan unsur yang signifikan dalam pembentukan budaya politik Melayu tradisional. Kontrak sosial ini telah mencorakkan landskap politik Melayu zaman pra kemerdekaan hingga pasca kemerdekaan. Hasil kajian mendapati, sifat taat orang Melayu masih samar jika dijelaskan menggunakan konsep hegemoni semata-mata. Penulis berpendapat bahawa ketaatan orang Melayu adalah sifat semula jadi (*natural obedience*) yang diterapkan terhadap pemerintah.

Metodologi

Penulisan kajian ini menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analysis* (PRISMA) yang telah dikemaskini semula pada tahun 2020 (Matthew et al., 2021). Proses dalam sistem PRISMA ini masih kekal dengan empat proses utama iaitu *identification* (pengenalpastian), *screening* (penapisan), *eligibility* (kelayakan) dan *inclusion* (penerimaan). Kesemua proses ini digunakan bagi membolehkan objektif dan persoalan kajian dijawab mengikut sistem yang telah pun digariskan. Keempat elemen ini akan digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Kajian lepas yang dipilih bermula pada tahun 2018 hingga 2025 yang merangkumi artikel, jurnal dan buku. Justifikasi pemilihan tahun dibuat oleh kerana kekalahan UMNO pada Pilihan Raya Umum ke 14. Kekalahan parti UMNO secara tidak langsung menjadi petanda kepada perubahan budaya politik Melayu kontemporari yang kini beralih sokongan kepada parti lain.

1. Pengenalpastian

Pengenalpastian merupakan proses pencarian literatur berkaitan tajuk yang perlu dikenal pasti menggunakan kata kunci yang bersesuaian. Sim Hong Chin dan Siti Mistima Maat (2022) berpendapat bahawa perkataan yang bersinonim dengan kata kunci sangat penting untuk digunakan bagi memperoleh carian maklumat yang lebih banyak. Beberapa kata kunci ditetapkan bagi memudahkan pencarian maklumat. Kata kunci ini dibina berdasarkan persoalan kajian berdasarkan mnemonik PICO yang merangkumi subjek kajian, permasalahan, kawasan dan tempoh masa. Jadual 1 menunjukkan penggunaan kata kunci yang telah digunakan untuk pencarian dan pengenalpastian senarai kajian di beberapa pangkalan data. Pencarian dokumen dilakukan di beberapa pangkalan data seperti *Google Scholar*, *Scopus* dan *Web Of Science (WoS)*. Menurut Tennant (2020) pangkalan data seperti WoS dan Scopus merangkumi sumber penyelidikan dari pelbagai bidang, berwibawa, dipercayai serta telah diguna secara meluas dalam penyelidikan dan penilaian akademik.

Jadual 1. Kata kunci

Bil	Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah
1)	<i>Scopus</i>	Title-Abs-Key ("political culture" or "malay politic" or "malay political culture")	10,082
2)	<i>Web Of Sciene (WoS)</i>	TS= ("political culture" or "malay politic" or "malay political culture")	10,165
3)	<i>Google Scholar</i>	"budaya politik Melayu" OR "Malay political culture "	131
Jumlah Keseluruhan			20,378

Hasil carian di *Scopus* telah mendapati sebanyak 10,082 hasil kajian berdasarkan kata kunci yang ditetapkan. Bagi pangkalan data *WoS*, sebanyak 10,165 bahan ilmiah yang merangkumi buku, artikel, jurnal dan kertas persidangan telah direkodkan. Hasil pencarian di pangkalan data *Google Scholar* pula adalah sebanyak 131 dokumen. Keseluruhan hasil carian mendapati sebanyak 20,378 yang merangkumi pelbagai jenis dokumen. Pencarian berdasarkan kata kunci ini hanya menggunakan enjin carian biasa tanpa menetapkan sebarang bentuk isihan seperti jenis bahan, tempoh masa, subjek kajian dan kawasan. Perkara tersebut dilakukan bagi memperluaskan lagi hasil carian terhadap subjek kajian. Kesemua hasil carian ini menggunakan kata kunci yang telah ditetapkan seperti di jadual 1.

2. Penapisan

Penapisan merupakan proses mengeluarkan bahan atau sumber yang tidak relevan berdasarkan abstrak dan tajuk sebelum menjalankan pemilihan lanjut. Matthew et al. (2021) menyatakan proses saringan perlu dilakukan melalui dua peringkat berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi. Kajian menetapkan kriteria inklusi seperti tempoh masa, kawasan, subjek dan jenis bahan. Dari aspek pemilihan tempoh masa, tahun 2018 sehingga 2025 dipilih bagi mengukur konteks kontemporari dalam kajian. Ini kerana, perubahan landskap budaya politik Melayu memperlihatkan perubahan yang besar dalam tempoh tersebut seperti penolakan orang Melayu terhadap UMNO. Kajian juga memilih sorotan karya bersistematik dengan memilih literatur yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2025 serta berfokus kepada kajian yang membincangkan budaya politik Melayu selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Namun begitu, terdapat juga beberapa kajian yang memfokuskan tempoh lebih luas iaitu dari PRU1 hingga PRU14. Kajian-kajian ini tetap diambil kira sekiranya menyentuh secara signifikan perubahan atau perkembangan politik selepas PRU14.

Kajian tentang budaya politik masyarakat di negara luar ditolak oleh kerana tidak mempunyai kaitan dengan orang Melayu. Subjek kajian pula menumpukan kepada kajian yang melibatkan budaya politik Melayu dan menolak kajian yang hanya membincangkan politik secara umum tanpa menyentuh budaya politik Melayu. Jenis bahan yang difokuskan merangkumi buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan sahaja. Berpandukan kriteria inklusi dan eksklusi tersebut, hanya 62 bahan telah diterima manakala 19,934 bahan telah ditolak. Faktor penolakan tersebut disebabkan tidak menepati kriteria yang ditetapkan. Pencarian ini dibuat dengan menggunakan kaedah "*advance search*" di *Google Scholar*, *Scopus* dan *WoS* dengan menggunakan kriteria penapisan seperti yang tertera di jadual 2.

Jadual 2. Kriteria penapisan

Bil	Kriteria	Inklusi	Eksklusi
1)	Tempoh penerbitan	2018-2025	2018 ke bawah
2)	Situasi	selepas PRU14 walaupun merangkumi tempoh sebelum PRU14.	sebelum PRU14 tanpa sebarang perbincangan terhadap perubahan selepas PRU14.
3)	Kawasan	Malaysia	Luar Malaysia
4)	Subjek	Melayu	Selain Melayu
5)	Jenis bahan	buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan	Bukan buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan

3. Kelayakan

Selepas menetapkan kriteria penapisan, artikel yang telah ditapis akan dikumpulkan dan melalui proses kelayakan. Pada peringkat ini, penulis akan menganalisis sebanyak 62 bahan yang telah dikumpul melalui tiga pangkalan data tersebut. Proses ini sangat penting untuk memastikan bahan yang disenarai pendek memenuhi objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Pembacaan awal ke atas semua bahan ini akan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu tajuk dan abstrak dan kata kunci kajian. Daripada 62 bahan tersebut, 40 bahan sahaja yang menepati ketiga-tiga aspek utama kajian.

4. Penerimaan


Setelah melakukan pembacaan yang lebih terperinci, hanya 19 bahan yang menepati kesemua perkara yang ditetapkan. Bahan yang menepati kriteria yang ditetapkan sahaja akan diterima. Kajian ini hanya mengambil sumber dari tahun 2018 hingga 2025 yang membincangkan budaya politik Melayu selepas PRU14. Meskipun terdapat kajian yang merangkumi PRU-1 hingga PRU-14, namun kajian ini hanya memilih kajian yang menyentuh secara jelas perkembangan selepas PRU14. Ini bermakna, sekiranya kajian tersebut tidak menyentuh situasi politik pada PRU-14, maka ianya akan ditolak. Penetapan kriteria ini penting bagi memberi gambaran jelas tentang isu kontemporari yang kerap dibincangkan dalam budaya politik Melayu. PRU-14 adalah titik perubahan besar yang berlaku dalam landskap politik Malaysia yang mana parti yang telah memerintah sejak merdeka mengalami kekalahan buat pertama kali. Peristiwa ini telah memberi kesan terhadap orientasi, tingkah laku dan persepsi politik khususnya masyarakat Melayu di seluruh negara.

Sehubungan itu, kajian sebelum PRU14 yang hanya menumpukan kepada suasana politik lama atau dominasi tunggal UMNO telah dikecualikan bagi menepati fokus kajian ini dalam aspek isu budaya politik Melayu kontemporari. Pemilihan ini juga selaras dengan persoalan kajian bagi menjawab apakah isu budaya politik Melayu kontemporari yang dibincangkan selepas pilihan raya tersebut. Hasil penerimaan bahan adalah seperti yang dinyatakan di jadual 3.

Jadual 3. Hasil penerimaan

Bil	Penulis/Tajuk	Hasil dapatan	Kecenderungan
1)	Hailan Salamun et. al (2018)	Kepimpinan politik di kalangan pemimpin Melayu dalam politik Malaysia dipengaruhi oleh nilai agama, terutamanya berkaitan dengan kepimpinan “Rabbani”.	Kepimpinan
2)	Junaidi Awang Besar (2021)	Ciri pemimpin yang diinginkan oleh responden di kawasan kajian adalah bersikap jujur dan amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan, bersih daripada rasuah dan pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat.	Tingkah laku dan persepsi
3)	Nur Diyana Sofiah Mohd Hazron & Junaidi Awang Besar (2022)	Kajian menunjukkan pengundi memilih pemimpin bersifat mesra rakyat dengan jumlah sebanyak 74 peratus.	Tingkah laku dan persepsi
4)	Nur Elya Syafika Kamarozaman & Junaidi Awang Besar (2021)	Kajian mendapati rakyat berpandangan pemerintahan Kerajaan Negeri menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik manakala pemerintahan di peringkat Kerajaan Persekutuan pula dilihat kurang memberangsangkan.	Tingkah laku dan persepsi
5)	Muhammad Abdillah (2021)	Hasil dapatan menunjukkan bahawa Islam memainkan peranan penting dalam sejarah dan budaya politik dunia Melayu	Politik Islam
6)	Ilyas Abdullah & Muhammad Syakir Idris (2023)	Keputusan pilihanraya negeri dari 1999 hingga 2018 menunjukkan bahawa mana-mana parti politik yang memenangi tujuh kawasan DUN di Terengganu, berkemungkinan besar akan membentuk kerajaan negeri.	Tingkah laku dan persepsi

7)	Ilyas Abdullah & Mohammad Tawfik Bin Yaakub (2021)	Ketidakserasian antara nilai yang dipegang dalam budaya politik sesebuah masyarakat dengan tindakan elit politik menyebabkan berlakunya pergeseran terhadap sistem politik itu sehingga mencetuskan transformasi ke atas budaya politik.	Identiti politik
8)	Abdul Muqit Muhammad et. al (2022)	Isu Melayu yang berbangkit dalam tempoh pemerintahan PH adalah pelantikan bukan Melayu dalam jawatan utama negara dan ratifikasi ICERD.	Identiti politik
9)	Mazli Mamat et. al (2023)	Budaya politik pengundi luar Kelantan berbentuk subjek. Budaya politik ini merujuk kepada masyarakat menerima output dari sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan apa-apa.	Tingkah laku dan persepsi
10)	Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah (2018)	Politik Malaysia tidak lagi berkisarkan kepada pembangunan malahan telah berubah kepada suatu keadaan yang mementingkan nilai sejagat yang lebih universal.	Tingkah laku dan persepsi
11)	Zawiyah Mohd Zain (2021)	Hasil kajian menunjukkan budaya politik masyarakat Melayu telah mengalami satu tahap perubahan iaitu daripada budaya politik “ <i>subject</i> ” ke budaya politik “ <i>participant</i> ”.	Identiti politik
12)	Shah Mohd Akmal Abdul Halim (2022)	Hasil kajian menunjukkan kedinamikan dalam lokus politik Melayu telah ditonjolkan UMNO dan BERSATU melalui naratif politik baharu. Isu-isu progresif yang lebih sinonim dengan parti rentas etnik.	Identiti politik
13)	Abdul Muqit Muhammad et. al (2022)	Terdapat tiga elemen utama yang mendorong keterancaman Melayu iaitu pendekatan politik, konsep kesamarataan serta penggemblengan unsur agama.	Identiti politik
14)	Sofia Shahida Badrul Hisham & Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2023)	UMNO memerlukan penstrukturan dan percaturan semula serta rangka kerja baharu supaya perubahan sebenar boleh berlaku. Dua perubahan besar yang diperlukan ialah perubahan politik dan peremajaan institusi.	Kepimpinan
15)	Mohd Hazizi Ab Rahman et. al (2024)	Situasi kontra hegemoni politik Melayu adalah bertentangan dengan kehendak syarak yang menuntut umat Islam agar berkuasa mutlak. Islam mengiktiraf pendekatan menggunakan kuasa lunak dan kuasa keras untuk memperoleh keakuran semua kaum lain.	Politik Islam
16)	Muhamad Atlizan Darlis et. al (2023)	Hasil kajian ini menyimpulkan politik Melayu didominasi daripada pelbagai faktor dan keterlibatan pelbagai pihak.	Identiti politik
17)	Sohaimi Abdul Aziz (2020)	Kajian mendedahkan kepimpinan politik Melayu moden dipengaruhi oleh realisme politik Machiavellian. Ia mendapati bahawa banyak pemimpin politik mengamalkan prinsip yang membolehkan mereka terlibat dalam amalan rasuah, nepotisme, dan pertukaran imej sebagai strategi untuk mengekalkan kekuasaan	Kepimpinan
18)	Mohd. Izani Mohd. Zain & Mohd. Daud Mat Din (2022)	PAS telah melakukan perubahan besar dalam menerapkan demokrasi sebagai budaya politik melebihi penyertaan dalam pilihan raya semata-mata.	Politik Islam
19)	Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli (2021)	Hasil kajian mendapati majoriti responden bukan ahli mana-mana parti politik dan cenderung memilih PAS di peringkat DUN dan Parlimen. Selain itu, tiada perubahan yang signifikan antara kecenderungan politik mereka dengan tempoh menetap di Lembah Klang.	Tingkah laku dan persepsi



Rajah 1. Carta PRISMA
Sumber: diadaptasi berdasarkan Matthew et al.(2021)

Hasil Kajian dan Perbincangan

Budaya politik Melayu adalah perkara penting yang perlu ditekankan oleh kerana masyarakat Melayu merupakan kunci utama dalam menentukan sesebuah kerajaan. Berdasarkan 19 bahan yang dikumpulkan, sebanyak empat tema telah dikenal pasti bersandarkan objektif dan hasil dapatan kajian. Antaranya ialah tingkah laku dan persepsi pengundi, identiti politik, kepimpinan dan juga politik Islam. Keempat isu ini adalah yang paling kerap dibincangkan dalam aspek budaya politik Melayu kontemporari.

Tingkah Laku Dan Persepsi Pengundi Melayu

Menerusi beberapa kajian yang dikumpulkan, sebanyak tujuh artikel telah dikenal pasti mengetengahkan aspek tingkah laku dan persepsi pengundi Melayu. Kajian semasa dalam budaya politik Melayu kontemporari lebih terarah kepada tingkah laku orang Melayu dalam politik. Kajian mengenai tingkah laku ini dilihat sangat penting dalam melihat perubahan yang berlaku dalam budaya politik Melayu kontemporari. Hasil penelitian mendapati, tingkah laku dan persepsi pengundi Melayu kini tidak lagi bersifat tetap dan mampu memberi lontaran pemikiran kepada pemerintah.

Kajian Ilyas Abdullah dan Muhammad Syakir Idris (2023) dilaksanakan bagi menganalisis corak pengundian dalam lima pilihanraya negeri Terengganu bermula dari tahun 1999 sehingga 2018 di Terengganu. Sebelum pilihan raya 1999, UMNO melalui Barisan Nasional (BN) telah mendominasi politik di Terengganu. Namun, landskap politik di negeri ini berubah kepada dominasi PAS sehingga kini. Menerusi kajian Ilyas Abdullah dan Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah (2018), menilai tingkah laku pengundian politik masyarakat Melayu di Terengganu yang dilihat berubah pada beberapa siri pilihan raya. Nur Diyana Sofiah Mohd Hazron dan Junaidi Awang Besar (2022) menganalisis penyertaan politik dan persepsi pengundi luar bandar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ajil, Hulu Terengganu. Dapatan kajian ini menunjukkan masyarakat di DUN Ajil terlibat dalam politik serta mengambil tahu tentang situasi politik semasa. Menerusi

kajian ini, penglibatan masyarakat dalam aktiviti politik menjadi petanda positif dalam perkembangan budaya politik Melayu dan berpengetahuan mengenai isu semasa politik.

Kajian selanjutnya oleh Nur Elya Syafika Kamarozaman dan Junaidi Awang Besar (2021) mengkaji pandangan pengundi terhadap kerajaan negeri dan persekutuan di kawasan DUN Bukit Besi, Terengganu. Menerusi kajian ini, responden menunjukkan minat terhadap isu semasa politik, malah menilai sesebuah sistem pentadbiran. Selain itu, Mazli Mamat dan Mohd Rahimi Ramli (2021) mendapati responden yang tidak terlibat dalam mana-mana parti akan cenderung memilih PAS di peringkat DUN dan Parlimen. Hasil kajian menunjukkan responden mengutamakan kriteria politik calon yang mengutamakan rakyat, mampu menjana pembangunan rakyat dan membasmi kemiskinan dan adil kepada semua pihak. Mazli Mamat et. al (2023) seterusnya memfokuskan kepada bentuk budaya politik masyarakat Kelantan di Lembah Klang.

Perubahan tingkah laku masyarakat Melayu juga digambarkan oleh Zawiyah Mohd Zain (2021) yang mengkaji budaya politik Melayu bermula daripada tahun 1998 hingga 2019. Sarjana ini mendapati budaya politik Melayu pada awalnya berbentuk *parochial* dan berubah kepada politik *subject* sewaktu pasca kemerdekaan. Budaya politik ini terus berkembang ke arah budaya politik *participant* dengan memperlihatkan penglibatan masyarakat Melayu dalam arena politik negara. Budaya *participant* ini bercambah apabila kerajaan menurunkan had umur pengundian kepada 18 tahun. Hasil kajian Nik Hairi Omar et al. (2024) mendapati wujudnya pola sikap positif yang tinggi terhadap penerimaan Undi-18 dalam kalangan pengundi muda. Keterlibatan pengundi muda secara tidak langsung juga membawa perubahan baharu dalam landskap dan budaya politik Melayu masa kini.

Identiti Politik

Identiti politik bukanlah satu perkara baru dalam kancah budaya politik sesebuah masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung memberi gambaran kepada sosio politik masyarakat tersebut. Mary Bernstein (2005) berpendapat bahawa identiti politik adalah sebahagian daripada aspek kehidupan seperti hubungan antara individu, gaya hidup dan budaya yang seterusnya diaplikasikan ke dalam politik. Sebanyak enam bahan penulisan yang merangkumi buku dan artikel telah menyentuh tentang identiti politik.

Muhamad Atlizan Darlis et al. (2023) membincangkan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada dominasi politik Melayu di Selangor dari tahun 2008 hingga 2018. Menurut sarjana ini, faktor dominasi politik Melayu berlaku disebabkan faktor jangka masa panjang dan pendek yang merangkumi pendidikan, sosioekonomi, kepimpinan serta janji sewaktu kempen pilihanraya. Masyarakat Melayu kini tidak lagi memandang dominasi parti politik sahaja, malah menitikberatkan calon yang diketengahkan dalam pilihan raya. Asas pegangan masyarakat Melayu tetap berpegang teguh kepada parti yang berteraskan kaum dan agama.

Manakala, Ilyas Abdullah dan Mohammad Tawfik Bin Yaakub (2021) telah membincangkan mengenai kemunculan masyarakat sivil serta kesannya terhadap transformasi budaya politik Melayu di Malaysia. Penulisan ini mendapati masyarakat Melayu tidak lagi memberikan taat setia secara membuta tuli kepada sesebuah parti. Kemunculan masyarakat sivil telah membawa kesan positif kepada perkembangan budaya politik Melayu kontemporari yang akhirnya mampu menyuntik kesedaran kepada rakyat dalam menuntut keadilan dan kebebasan. Begitu juga, Shah Mohd Akmal Abdul Halim (2022) dalam kajiannya menyatakan budaya politik Melayu telah berubah ke arah politik baru dalam pilihan raya Negeri Johor 2022. Kajian ini menunjukkan wujudnya naratif politik lama yang dilakukan atas dasar mengimbangi segmen pengundi Melayu.

Ini juga ditunjukkan menerusi kajian Abdul Muqit Muhammad (2022) yang mana membincangkan isu keterancaman Melayu yang berlaku sewaktu pemerintahan Pakatan Harapan (PH). Lima isu keterancaman Melayu seperti pelantikan bukan Melayu dalam jawatan utama negara, ratifikasi ICERD, pengiktirafan UEC, polemik tulisan Jawi dan rasionalisasi aset Tabung Haji dipilih sebagai fokus utama dalam kajian. Kesemua isu tersebut dilihat mencabar kedudukan dan kepentingan Melayu sehingga membentuk persepsi bahawa PH telah gagal memainkan peranan sebagai pelindung masyarakat Melayu. Krisis ini seterusnya menyumbang kepada tercetusnya Langkah Sheraton. Dapatan ini menunjukkan identiti politik Melayu dibentuk oleh rasa keterancaman terhadap kedudukan etnik dan agama. Perkara ini akhirnya mempengaruhi orientasi sokongan

politik Melayu di mana parti yang lebih tegas mempertahankan hak Melayu akan memperoleh sokongan dan kepercayaan.

Dapatan kajian yang ditemui jelas menunjukkan bahawa identiti politik Melayu kontemporari tidak lagi berpaksikan elemen kesetiaan dan ketaatan semata-mata. Meskipun berlakunya perubahan dalam identiti politik Melayu, namun perubahan tersebut belum cukup menyeluruh bergantung kepada kawasan pengundian. Bukan itu sahaja, terdapat hasil dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa naratif politik lama masih lagi digunakan bagi menambat kepercayaan masyarakat. Meskipun perubahan tersebut tidak menyeluruh, akan tetapi sebilangan besar masyarakat hari ini mula memberikan respon balas dan tekanan terhadap pemerintah.

Kepimpinan

Kepimpinan merupakan aspek penting dalam mendapatkan sokongan sesebuah masyarakat. Dalam membincangkan kecenderungan budaya politik Melayu kontemporari, kepimpinan adalah salah satu elemen penting yang perlu dititikberatkan. Sofia Shahida Badrul Hisham dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2023) mengetengahkan soal peremajaan semula UMNO selepas melalui kekalahan dalam PRU ke 14. Hasil kajian mendapati, antara elemen utama yang perlu diubah dalam UMNO adalah budaya dan sistem yang digunakan. Soal kepimpinan merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam sistem politik UMNO. Aspek baru yang ditekankan adalah tentang iaitu sikap, kepercayaan, emosi, nilai, penerimaan dan tindakan yang diambil oleh seseorang pemimpin. UMNO juga perlu memberikan peluang yang lebih banyak kepada generasi baru bagi mengikis jiwa penaung yang terlalu hagemoni bagi menguatkan semula kepercayaan orang Melayu.

Sohaimi Abdul Aziz (2020) mengkaji cara pemimpin politik Melayu moden yang menyamai konsep "*Machiavellian*" dalam pelaksanaan kuasa melalui novel Paradoks karya Affifuddin Omar. Hasil kajian mendapati, kepimpinan politik Melayu sangat dipengaruhi dengan konsep tersebut yang akhirnya membolehkan mereka terlibat dalam amalan rasuah dan nepotisme. Penulis juga menegaskan pemimpin politik Melayu yang jujur, adil dan berpegang kepada nilai-nilai Islam dan moral tidak mempunyai tempat dalam politik Malaysia. Hailan Salamun et. al (2018) pula meneroka amalan kepimpinan politik Melayu yang mempamerkan unsur kepimpinan Rabbani. Sarjana berpendapat bahawa menerapkan unsur Islam dalam kepimpinan politik amat diperlukan bagi menghakis budaya politik tradisional. Kepimpinan Rabbani yang ditekankan dalam kajian ini dapat membentuk semula identiti serta ideologi politik dalam mempengaruhi sokongan dan harapan masyarakat.

Aspek kepimpinan menjadi salah satu kecenderungan bagi masyarakat Melayu dalam mewakili suara mereka. Berdasarkan kajian yang ditemui, aspek sikap, kepercayaan, tindakan dan pegangan nilai Islam menjadi asas dalam menilai kepimpinan seseorang pemimpin. Hal ini selari, Hamka dalam Zulkifli Mohd Yusoff dan Abdul Hafiz Abdullah (2013), menjadi pemimpin adalah satu amanah yang berat dan bukannya tempat untuk mencari kemuliaan kerana setiap perkara yang dilakukan akan disoal oleh Allah SWT pada hari akhirat kelak. Sikap dan tingkah laku positif dalam aspek kepimpinan sangat dititikberatkan oleh kerana masyarakat Melayu sangat berpegang teguh kepada teras hati budi Melayu. Menurut Hashim Hj. Musa (2008), terdapat dua puluh enam teras hati budi Melayu yang menjadi pegangan. Antara lainnya adalah setia kepada ketua yang adil dan terpuji, kejujuran dan keikhlasan serta sifat amanah. Oleh itu, pemimpin yang melanggar teras tersebut tidak akan mendapat sokongan malah dipandang buruk dalam masyarakat.

Politik Berteras Islam

Pembentukan budaya politik Melayu kontemporari juga dilihat menekankan kepentingan politik berteraskan Islam. Nilai Islam perlu menjadi asas utama bagi mencerminkan budaya politik Melayu yang sebenar. Mohd. Izani Mohd. Zain dan Mohd. Daud Mat Din (2022) membahas tentang bagaimana Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menghadapi cabaran demokrasi dalam budaya politik di luar pilihan raya. Kajian ini mendapati, PAS mengamalkan pendekatan yang lebih inklusif apabila demokrasi tidak lagi sekadar sebagai alat pilihan raya. Slogan "*PAS for All*" serta pendekatan "muwajahah silmiyyah" (berdamai) membuktikan keterbukaan PAS dalam menarik sokongan bukan Islam dan masyarakat majmuk.

Penerapan Islam dalam budaya politik Melayu juga penting bagi menunjukkan imej yang baik dalam arena politik. Muhammad Abdillah (2021) mendapati bahawa Islam sangat perlu diterapkan dalam setiap

aspek politik bagi menjamin sesebuah keharmonian negara. Kajian ini juga mengetengahkan konsep “tidak Islam, tidak Melayu” yang secara tidak langsung menegaskan kepentingan ideologi politik Melayu perlu disesuaikan mengikut acuan Islam sebenar. Selain itu, Mohd Hazizi Ab Rahman et. al (2024), dominasi politik Melayu Islam adalah selari dengan tuntutan syarak. Namun begitu, penolakan terhadap kepimpinan Melayu (kontra-hegemoni) bukanlah bukti kemajuan demokrasi, tetapi satu cabaran terhadap kestabilan kuasa umat Islam. Namun begitu, penerapan elemen Islam perlu dirangka dengan baik agar dapat dilaksanakan dengan harmoni. Pemaksaan dan ketegasan yang melampau hanya akan menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada agama, bangsa dan pentadbiran negara.

Namun begitu, penerapan elemen Islam perlu berpandukan syariat yang ditetapkan tanpa menjadikan Islam sebagai modal politik semata-mata. Terdapat beberapa ciri ciri politik Islam yang perlu diterapkan. Antara lainnya adalah kekuasaan umat, peranan dan tanggungjawab masyarakat secara bersama, kebebasan adalah hak bagi semua orang, persamaan di antara semua manusia serta menentang kezaliman (Hamidah Sulaiman et al., 2018). Ciri – ciri tersebut tersebut tidak seharusnya dipisahkan dalam masyarakat Islam. Ciri yang berteraskan ajaran Islam akan membantu menguatkan lagi politik dan mampu menghindarkan daripada berlakunya impak negatif dalam budaya politik Melayu kontemporari. Siti Ruzana Ab Ghani et al. (2020) prinsip-prinsip yang konsisten, realistik dan relevan mampu membantu gerakan-gerakan Islam itu membina kekuatan dalaman untuk tampil sebagai kumpulan yang bukan sahaja berpengaruh dalam medan tempatan, tetapi berupaya menjadi model di peringkat antarabangsa. Dalam erti kata lain, pandangan tersebut membuktikan bahawa pentingnya mempunyai ciri-ciri politik berteraskan Islam. Politik Islam yang sebenar akan membawa kepada keharmonian kepada masyarakat dan seterusnya melonjakkan imej negara di persada dunia.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, terdapat 20 kajian telah dikenal pasti membincangkan tentang budaya politik Melayu kontemporari. Menggunakan analisis tematik, kecenderungan utama dalam perkembangan budaya politik Melayu kontemporari adalah tingkah laku dan persepsi, identiti politik, kepimpinan dan politik Islam. Tema yang kerap sekali disentuh adalah tingkah laku dan persepsi masyarakat Melayu iaitu sebanyak lapan artikel. Identiti politik dan kepimpinan mencatatkan sebanyak tujuh artikel serta politik Islam dengan tiga artikel sahaja. Keempat tema ini menggambarkan perkembangan budaya politik masyarakat Melayu kontemporari. Kajian ini penting untuk menstrukturkan semula pemahaman mengenai budaya politik Melayu kontemporari dengan mengenal pasti beberapa tema-tema penting berdasarkan kajian terdahulu.

Di samping itu, kajian ini penting untuk menggambarkan secara menyeluruh akan kecenderungan politik khususnya dalam menggambarkan budaya politik Melayu kontemporari. Perkara ini sangat penting dalam memastikan keseimbangan dan perkembangan budaya politik Melayu sentiasa terjamin. Oleh kerana masyarakat Melayu adalah kumpulan majoriti dan tonggak utama politik negara, pemahaman mendalam terhadap budaya politik perlu difahami dan diperhalusi agar dapat membentuk keadaan politik yang lebih stabil. Sumbangan kajian ini mampu digunakan sebagai rujukan akademik untuk memahami isu kontemporari yang membentuk perkembangan budaya politik Melayu. Seterusnya, hasil kajian juga membantu mengenal pasti pergeseran yang berlaku antara budaya politik lama dan baharu. Rangkumannya, hasil dapatan ini dapat membantu memahami dengan lebih jelas bagaimana masyarakat Melayu beralih kepada budaya politik kontemporari. Kajian mengenai budaya politik Melayu kontemporari perlu diperkembangkan kerana masih banyak persoalan yang belum diterokai terutamanya mengenai perubahan tingkah laku masyarakat. Selain itu, kajian perbandingan antara pengundi lama dan baru perlu diberi perhatian bagi mengenal pasti kecenderungan mereka dalam menentukan hala tuju politik negara.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberi galakan dan panduan dalam menyempurnakan penulisan ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan bahawa tidak berlaku sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makalah ini.

Rujukan

- Abdul Muqit Muhammad, Awang Azman Awang Pawi & Mohammad Tawfik Yaakub. (2022). Analisis Sorotan Kajian: Keterancaman Melayu dalam Era Kolonial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), 1-21. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1832>
- Abdul Muqit Muhammad, Awang Azman Awang Pawi & Mohammad Tawfik Yaakub. (2022). Analisis Isu-isu Keterancaman Melayu Terpilih Era Pentadbiran Pakatan Harapan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), 1-23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1815>
- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. (2002). Budaya Politik dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia dlm Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (pnyt.), *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia
- Almond & Verba. (1989). *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. Carlifornia: Sage Publication.
- Hailan Salamun, Asyraf Hj Ab. Rahman, Hamdan Aziz & Rofishah Hj. Rashid. (2018). Malay Leadership Pattern in Malaysian Politics. *The Journal of Social Sciences Research*, 4(12): 451-458. <https://doi.org/10.32861/jssr.412.450.458>
- Hamidah Sulaiman, Muhammad Nazir Alias & Mohd Sham Kamis. (2018). Analisis Kritikal Mengenai Politik Islam Di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 2(2), 1-17. <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/40/40>
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ilyas Abdullah & Mohammad Tawfik Bin Yaakub. (2021). *Kemunculan Masyarakat Sivil: Kesan Terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu di Malaysia*. Dalam Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail & Mazlan Che Soh (pnyt.). *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, hlm. 75-106. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ilyas Abdullah & Muhammad Syakir Idris. (2023). Seven Key State Constituencies of Terengganu's Politics (1999-2018). *Akademika*. 93(3), 99-109. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-08>
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2018). Dinamika Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Tahun 1999- 2018: Terhentinya Dominasi BN di Terengganu. *Sains Insani*. 3(2), 30-37. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.58>
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain. (2011). Kajian Budaya Politik Melayu Dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*. (8), 153 – 172. <https://journalarticle.ukm.my/3480/1/bil%25208%2520-%2520topik%25208.pdf>
- Junaidi Awang Besar. (2021). Sentimen Kepartian dan Personaliti Pemimpin Pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di Kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika*. 91(1), 81-96. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-07>
- Mary Bernstein. (2005). Identity Politics. *Annu. Rev. Sociol*, 31, 47-74. <https://doi.org/10.1146/annurev.soc.29.010202.100054>
- Matthew J Page, Joanne E McKenzie, Patrick M Bossuyt, Isabelle Boutron, Tammy C Hoffmann, Cynthia D Mulrow,.....David Moher. (2021). The PRISMA 2020 Statement: An Updated Guideline For Reporting Systematic Reviews. *The BMJ*, 1-9. <https://doi.org/10.31222/osf.io/v7gm2>
- Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli. (2021). Kecenderungan politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang pasca PRU-14: Suatu pemerhatian kritikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(3), 273-286. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1703-20>
- Mazli Mamat, Mohd Mahadee Ismail, Ku Hasnita Ku Samsu & Zatul Himmah Adnan. (2023). Budaya Politik dalam Kalangan Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU ke-14. *Akademika*, 93(3), 53-67. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-05>

- Mohd Hazizi Ab Rahman, Wan Zulkifli Wan Hassan & Shamsul Azhar Yahya. (2024). Pendirian Syariah Terhadap Situasi Kontra Hegemoni Politik Melayu Di Malaysia. *Malaysian Journal For Islamic Studies*. 8(1), 78-93. <https://doi.org/10.37231/mjis.2024.8.1.270>
- Mohd Mahadee Ismail. (2018). Budaya Politik Kontemporari Masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia: Satu Penilaian Kritis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue, 470- 482.
- Mohd. Izani Mohd. Zain & Mohd. Daud Mat Din. (2022). Democratic Dilemma of Malay Islamic Party: PAS, Coalition Pattern, and Rising Social Issues. *Indonesia Journal of Islamic Studies*. 29(1), 83-105. <https://doi.org/10.36712/sdi.v29i1.16330>
- Muhamad Atlizan Darlis, Awang Azman Awang Pawi & Mohammad Tawfik Yaakub. (2023). Faktor-Faktor Dominasi Politik Melayu di Selangor Tahun 2008 Hingga 2018. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 10 (1), 37-56. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/250>
- Muhammad Abdillah. (2021). Islam dan Budaya Politik Melayu. *Jurnal Studi Islam*, 17(2), 157-172. <https://doi.org/10.19109/medinate.v17i2.17008>
- Nguyen Giang. (2024). Political Culture: A Literature Review. *Journal of Thu Dau Mot University*, 6(2), 168-178. <https://doi.org/10.37550/tdmu.ejs/2024.02.542>
- Nik Hairi Omar, Arena Che Kasim & Jamiah Manap. (2024). Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti Dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 518-532. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.40>
- Noor Aina Iman Amli & Wai-Yan Wong. (2021). Pengaruh Ketidakstabilan Politik terhadap Mata Wang Tempatan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(2), 181-188. <https://doi.org/10.17576/personalia.2402.2021.01>
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2017). Menilai Semula Konsep Hegemoni Dalam Budaya Politik Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(2), 65-78
- Nur Diyana Sofiah Mohd Hazron & Junaidi Awang Besar. (2022). Partisipasi dan Persepsi Pengundi Luar Bandar Dalam Politik Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(5), 1-17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/508>
- Nur Elya Syafika Kamarozaman & Junaidi Awang Besar. (2021). Pandangan Pengundi Terhadap Kerajaan Negeri Terengganu Dan Kerajaan Persekutuan Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-29 <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/418>
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2022). Politik Lama Versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(1), 111-138. <https://doi.org/10.7187/gjat072022-7>
- Sim Hong Chin dan Siti Mistima Maat. (2022). Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor Yang Mempengaruhi Kebimbangan Matematik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), 1-20. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1790>
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahila Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin. (2020). Perkembangan Gerakan Islam - PAS Di Kelantan 1957-2000. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4), 40-59. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no1.10>
- Sofia Shahida Badrul Hisham & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2023). Peremajaan Semula UMNO Pasca PRU-14, 2018-2022. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(1), 1-10. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/516>
- Sohaimi Abdul Aziz. (2020). Machiavellian Political Manual In Politics: A Study Of Malaysian Political Realism As Reflected In Paradoks. *Kajian Malaysia*, 38(1), 1-17. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.1>
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Keputusan PRU 14. <https://www.spr.gov.my/> [Dicapai pada 1 Mei 2025].
- Suzalina Halid. (2022, November 22). Undi Melayu berpecah, kerajaan campuran pasca PRU15 tak dapat dielak. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1023634/undi-melayu-berpecah-kerajaan-campuran-pasca-pru15-tak-dapat-dielak>

- Tennant, J. P. (2020). Web of Science and Scopus are not global databases of knowledge. *European Science Editing*, 46, 1-3. <https://doi.org/10.3897/ese.2020.e51987>
- Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff. (2015). The Emergence of Civil Disobedience: A Comparison During Dr. Mahathir and Abdullah Badawi's Era. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(1), 279-285. <http://dx.doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n1s1p279>
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 297-311. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-22>
- Zulkifli Mohd Yusoff & Abdul Hafiz Abdullah. (2013). Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan Dalam Tafsir Al-Azhar (Leadership According to HAMKA: A Review on Tafsir Al-Azhar). *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(1), 17-38. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8647>